

FPP BizNewZ

June - November 2024

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Pernikahan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

Mental Toughness in Athletic Performance

sustainable

SKINCARE

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

FAKTOR TECHNOLOGY SELF-EFFICACY DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI: SATU KAJIAN

SUZILA MAT SALLEH, SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH, NOOR HAFIZA MOHAMMED DAN NOOR MALINJASARI ALI
FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU
EMEL KORESPONDEN: SUZILAMSALLEH@UITM.EDU.MY




Konsep dan faktor mempengaruhi Technology Self-Efficacy

Technology self-efficacy dapat didefinisikan sebagai keyakinan seseorang individu dalam penggunaan teknologi tertentu untuk mencapai hasil yang diharapkan (Bandura, 1997). Individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap teknologi lebih positif dan cenderung dalam memanfaatkan penggunaan teknologi serta dapat mengatasi masalah yang berkaitan dengan teknologi. Menurut Chen & Huang (2018), technology self-efficacy di kalangan pelajar masih rendah terutama yang berkaitan dengan penggunaan teknologi yang lebih kompleks.

Pengenalan

Di era digital dan penggunaan teknologi yang semakin pesat, penguasaan teknologi telah menjadi satu perkara wajib kepada setiap individu supaya tidak ketinggalan dengan perkembangan teknologi yang semakin berkembang. Keyakinan diri dalam penggunaan teknologi terutamanya di kalangan generasi muda menjadi faktor utama dalam menentukan keberhasilan individu dalam memanfaatkan teknologi bagi tujuan tertentu.



Technology self-efficacy juga sangat penting dalam konteks pendidikan tinggi. Kajian yang telah dijalankan oleh Shafie dan Ismail (2021) mendapati bahawa terdapat korelasi positif yang signifikan antara technology self-efficacy dengan prestasi akademik di kalangan pelajar universiti di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa pelajar universiti yang berkeyakinan dalam penggunaan teknologi lebih cenderung memperoleh hasil pembelajaran yang lebih baik. Pernyataan ini disokong oleh Lee dan Kim (2022) yang mendapati bahawa pelajar universiti yang menggunakan teknologi, lebih aktif melibatkan diri dalam diskusi atas talian, menyiapkan tugas dan memanfaatkan pelbagai sumber pembelajaran secara digital.

Satu lagi contoh yang boleh diambil adalah kajian yang dilakukan di sebuah universiti di Australia mendapati bahawa sikap positif pelajar terhadap teknologi, menyumbang kepada self-efficacy mereka yang memberi kesan positif terhadap pembelajaran atas talian yang meliputi dimensi sosial, kolaboratif, kognitif, tingkah laku dan emosi (Getenet et. al, 2024). Kajian lain yang berkaitan teknologi oleh Pan (2020) pula mendapati penerimaan teknologi oleh pelajar dan self-efficacy mereka dapat dilihat melalui sikap pelajar terhadap pembelajaran yang berasaskan teknologi, dengan motivasi pembelajaran sebagai mediator. Oleh itu, keyakinan dan literasi pelajar terhadap teknologi sangat penting bagi membolehkan pelajar lebih berdaya aktif, maju dan berjaya samada dalam bidang pembelajaran atau sebaliknya.

Institusi pengajian tinggi boleh memainkan peranan penting dalam menyokong pelajar membina keyakinan mereka dalam teknologi melalui beberapa pendekatan iaitu melalui penyediaan kursus literasi digital yang merangkumi penggunaan perisian produktiviti, dan platform pembelajaran (Alqurashi, 2020). Pendekatan kedua adalah memberi peluang dan pendedahan pelajar kepada penggunaan teknologi dalam konteks pembelajaran sebenar yang dapat meningkatkan prestasi pembelajaran (Martin & Bolliger, 2021). Pendekatan yang ketiga adalah sokongan teknikal yang mudah diakses dapat memberi keyakinan kepada pelajar mengenai bantuan yang diperlukan semasa penggunaan teknologi. Pendekatan yang terakhir adalah memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih kolaboratif yang mana perkongsian maklumat sesama mereka dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam kemampuan mereka belajar dan mengajar teknologi sesama mereka (Bond & Bedenlier, 2020).

Kesimpulannya, technology self-efficacy merupakan satu faktor yang sangat penting dalam memanfaatkan teknologi masa kini. Masih banyak lagi perlu dilakukan untuk meningkatkan penggunaan technology self-efficacy di kalangan pelajar terutamanya pelajar universiti. Sekiranya technology self-efficacy meningkat, kualiti pembelajaran pelajar juga akan meningkat dengan penggunaan teknologi di alam pembelajaran. Oleh itu, generasi muda perlulah diberi peluang untuk terlibat sama dalam merancang, merangka atau menggunakan teknologi secara efektif supaya hasilnya dapat dicapai seperti yang diharapkan.

Rujukan

- Alqurashi, E. (2020). Predicting student satisfaction and perceived learning within online learning environments. *Distance Education*, 41(1), 1-15.
- Bandura, A. (1997). Self-efficacy: The exercise of control. W. H. Freeman.
- Chen, S.-Y., & Huang, Y.-M. (2018). The impact of technology self-efficacy on students' engagement in online learning communities. *Computers & Education*, 124, 187-197.
- Bond, M., & Bedenlier, S. (2020). Facilitating student engagement through educational technology: Towards a conceptual framework. *Journal of Interactive Media in Education*, 2020(1), 1-14.
- Getenet, S., Cantle, R., Redmond, P., & Albion, P. (2024). Students' digital technology attitude, literacy and self-efficacy and their effect on online learning engagement. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*. Retrieved from Springer.
- Hodges, C. B., & Fowler, D. J. (2020). The COVID-19 pandemic and online learning: Perceptions of faculty and students. *Online Learning*, 24(2), 1-19.
- Lee, J., & Kim, J. (2022). The role of technology self-efficacy in fostering student engagement in online learning. *Journal of Educational Technology*, 29(2), 123-135.
- Martin, F., & Bolliger, D. U. (2021). Engagement matters: Student perceptions on the importance of engagement strategies in the online learning environment. *Online Learning*, 25(1), 1-24.
- Pan, X. (2020). Technology Acceptance, Technological Self-Efficacy, and Attitude Toward Technology-Based Self-Directed Learning: Learning Motivation as a Mediator. *Frontiers in Psychology*. Retrieved from Frontiers.
- Shafie, N. A., & Ismail, N. H. (2021). The relationship between technology self-efficacy and academic achievement among university students in Malaysia. *International Journal of Education and Research*, 9(1), 1-10.



BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com